

PERANCANGAN PENGAJARAN GURU DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN: SATU KAJIAN RINTIS

[TEACHER TEACHING PLANNING IN LEARNING AND FACILITATING: A PILOT STUDY]

ZULKIFLY MD ALWAYI¹

RAHIMAH EMBONG^{1*}

HUDA AFIQAH HASHIM¹

Abstrak

Guru memainkan peranan watak utama yang melaksanakan dasar-dasar pendidikan negara sepertimana yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025). Guru bertindak sebagai tenaga pengajar, pengasuh dan pengurus serta berperanan sebagai fasilitator, mentor dan kaunselor sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Sejalan dengan pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang terkandung dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia, murid yang didedahkan dengan pembelajaran yang berpusatkan murid menunjukkan kefahaman yang lebih tinggi dan gambaran yang lebih positif berbanding kaedah konvensional. Justeru, makalah ini mengupas dan memperincikan amalan PdPc bagi meningkatkan tahap kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kalangan guru sekolah rendah serta permasalahan yang timbul sepanjang pelaksanaannya. Kajian rintis ini bertujuan untuk mengenalpasti kesahan dan kebolehpercayaan item soal selidik amalan perancangan pengajaran guru dengan faktor proses dan suasana pembelajaran di dalam kelas. Kajian kuantitatif ini menggunakan persampelan rawak mudah dan mengadaptasi soal selidik daripada instrumen penilaian sendiri prestasi guru dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2). Data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif melalui Statistical Package for the Social Sciences (SPSS versi 20.0). Kajian mendapati instrumen yang dibina telah mencapai tahap kebolehpercayaan yang tinggi (nilai Cronbach's alpha= 0.872), kesemua sembilan item sesuai digunakan serta tiada item yang perlu dibaiki. Secara keseluruhan min, varians dan sisihan piawai memberikan nilai yang tinggi apabila kongsuk perancangan pengajaran guru berada pada tahap yang tinggi. Kajian ini dapat memberi manfaat kepada guru-guru, guru besar atau pentadbir, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha meningkatkan kualiti perancangan pengajaran dalam kalangan guru-guru sekolah rendah selain turut menjadi sumber rujukan dalam menghadapi pendidikan era globalisasi abad ke 21.

Kata Kunci: Pembelajaran dan Pemudahcaraan, Perancangan Pengajaran.

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Corresponding Author:

RAHIMAH EMBONG, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

E-mail: rahimahembong@unisza.edu.my

Abstract

Teachers are the main characters to implement the national education policies as mentioned in Malaysian Education Development Plan (PPPM 2013-2025). Teachers act as educators, caregivers and managers as well as facilitators, mentors and counselors throughout the teaching and learning process in the classroom. Since the implementation of learning and facilitating (LnF) as stated in the Malaysia Education Quality Standard, students who are exposed to student-centered learning show a higher understanding and a more positive image compared to conventional methods. Therefore, this article examines and inspects the practice of LnF to improve the level of quality of teaching and learning (TnL) among primary school teachers as well as problems that arise during the implementation. This pilot study aims to identify the validity and reliability of the items in questionnaire of the practice of teachers' lesson planning with process factors and learning environment in the classroom. This quantitative study used simple random sampling and adapted questionnaire from teachers' self-assessment instruments in the second wave of Malaysia Education Quality Standard (SKPMg2). The data were analyzed using descriptive statistics through Statistical Package for the Social Sciences (SPSS version 20.0). The study found that the instrument has achieved a high level of reliability (value of Cronbach's $\alpha=0.872$) with all nine items were suited and no items need to be repaired. Overall mean, variance and standard deviation give high value when the construct of teachers' lesson planning are at a high level. This study can benefit teachers, headmasters or administrators, District Education Office, State Education Department and the Ministry of Education Malaysia in order to improve the quality of lesson planning among primary school teachers as well as a reference source in facing education 21st century globalization era.

Keywords: Learning and Facilitating, Teaching Planning.

Cite This Article:

Zulkifly Md Alwayi, Rahimah Embong & Huda Afiqah Hashim. (2020). Perancangan Pengajaran Guru dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan: Satu Kajian Rintis. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 3(1), 11-18.

PENGENALAN

Pembelajaran merupakan satu proses penerimaan ilmu pengetahuan, penguasaan dan pembentukan sikap seseorang pelajar yang dibantu oleh guru (Ropisa & Rahimah, 2018). Pada masa kini, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid menjadi agenda dalam transformasi pendidikan negara. Sistem pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam menjana modal insan berkualiti serta penyumbang kepada pembangunan sesebuah negara (Šlaus & Jacobs, 2011). Amalan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas perlu diubah daripada kaedah konvensional kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih kreatif dan dinamik (PPPM, 2013-2025).

Transformasi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang lebih mengutamakan kualiti ilmu yang diperoleh daripada mengejar kecemerlangan akademik semata-mata. Pendidikan yang sentiasa berubah akan memberi kesan kepada warga pendidik. Oleh itu, guru perlu memainkan peranan untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti dengan menetapkan

sasaran dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), iaitu pendidikan untuk menghasilkan guru dan pemimpin sekolah yang cemerlang (KPM 2015). Tahap kualiti guru perlu ditingkatkan supaya agenda negara dapat ditunaikan terutama dari segi pengajaran dan pembelajaran pelajar dalam kelas. Kementerian Pelajaran Malaysia telah merangka tujuan tersebut di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025). Pengajaran dan pembelajaran yang terkandung di dalam 11 anjakan pendidikan yang menuntut guru-guru melaksanakan amalan pembelajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas. Pelaksanaan amalan ini di bawah bidang kuasa Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) di peringkat Kementerian, dan peringkat negeri. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) di bawah program Transformasi Pejabat Pelajaran Daerah (*DTP School Improvement Specialist Coaches (SISC+)*) diwujudkan adalah salah satu inisiatif sebagai pembimbing guru yang berdedikasi dan komited untuk mempertingkatkan kualiti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di sekolah. Berlaku penggubalan semula Standard Kualiti Pendidikan Malaysia 2010, yang dikenali sebagai SKPM Gelombang 2 yang menambahbaik dan meningkatkan kualiti pada beberapa standard seperti “aspek kepimpinan, pengurusan organisasi, pengurusan kurikulum, kokurikulum dan hal ehwal murid, pembelajaran dan pemudahcaraan dan kemenjadian murid”. SKPMg2 menekankan peranan guru sebagai “pemudah cara dalam PdP yang berkesan untuk memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh dan pencapaian murid pada tahap optimum secara berterusan.”(Task Force SKPMg2, 2016)

Amalan pemudahcaraan merupakan salah satu kemahiran profesional guru yang diperlukan untuk mendidik pelajar menjadi insan berilmu pengetahuan dan berakhlak mulia (Mok Soon Sang, 2011). Justeru, pendidikan dan kurikulum yang lengkap dan berkualiti baik dapat menjamin dan melahirkan murid yang berketerampilan diri, kreatif, inovasi dan menyumbang kepada kemajuan diri dan masyarakat (KPM, 2012). Secara amnya, pengajaran guru berkesan dipengaruhi oleh kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, insentif dan masa (Slavin, 1994).

PERANAN GURU MASA KINI

Pendidikan masa kini yang sentiasa mengalami perubahan dan harapan masyarakat terhadap sekolah yang sangat mementingkan kualiti pendidikan, maka banyak mempersoalkan kualiti guru untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Dalam menghadapi cabaran era semasa, guru-guru perlu memastikan mereka menjalani pembelajaran berterusan untuk menguasai pelbagai bidang ilmu dan mampu menyerap semua perubahan semasa agar mereka tampil fleksibel, relevan dan mempunyai keberkesanan pengajaran yang tinggi (Shamilati et al., 2017). Guru-guru perlu berusaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan mencapai standard kualiti yang optimum dengan mengubah pendekatan yang lebih berfokus kepada keberhasilan murid (Mahdzir, 2016). Kualiti pengajaran bermaksud keupayaan guru untuk menyampaikan pengajaran atau konsep atau kemahiran yang mudah difahami oleh pelajar, mudah diingat dan menyeronokkan pelajar. Penyelidik lebih cenderung kepada transformasi pendidikan masa kini yang menuntut guru-guru perlu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mengikut standard kualiti yang ditetapkan dalam “Standard Kualiti Pendidikan Malaysia”.

Guru-guru hendaklah melaksanakan pengajaran berpusatkan murid dengan amalan pembelajaran dan pemudahcaraan iaitu guru bertindak sebagai, perancang, pengawal, pembimbing, pendorong dan penilai (JNJK KPM, 2016). Melalui peranan pemudahcaraan (fasilitator), guru akan membimbing serta memotivasikan pelajar agar mereka bersemangat dan aktif dalam kedua-dua aspek mental dan fizikal sekaligus mewujudkan pembelajaran yang lebih efektif. (Zahara Mutia et al., 2018). Sementara itu, perlakuan mengajar pula meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan penilaian yang perlu dilakukan oleh seorang guru (Mok Soon Sang, 2011).

TUJUAN

Kajian ini disasarkan kepada guru-guru sekolah rendah di daerah Machang untuk mengenal pasti sama ada soalan soal selidik amalan perancangan pengajaran guru dengan faktor proses dan suasana pembelajaran telah mencapai kesahan dan kebolehpercayaan dengan menggunakan analisis data *Alpha Cronbach*. Nilai *Alpha Cronbach* digunakan untuk menentukan ketekalan dalaman sesuatu konstruk (pembolehubah utama) item dan sesuatu indikator (pembolehubah kecil) dalam sub item. Di samping untuk mengira pekali kebolehpercayaan bagi data yang dipungut secara kesempatan tunggal (*single occasion*) dalam kajian ini.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan tinjauan di lapangan yang menggunakan pendekatan kuantitatif. Penyelidik telah mengedarkan instrumen soal selidik kepada sampel secara rawak mudah kepada seramai 50 responden melibatkan guru di di sebuah sekolah rendah di daerah Machang. Sampel telah diberi masa yang secukupnya untuk menjawab soal selidik.

Pembinaan konstruk satu skala Likert format sepuluh mata telah digunakan sebagai tindak balas kepada kenyataan item borang soal selidik berstruktur yang berskala pengukuran 1 hingga 10 yang diperkenalkan oleh Wittink & Bayer akan digunakan sebagai instrumen utama kajian ini (Ghazali & Sufean, 2016). Soal selidik ini diadaptasi daripada instrumen penilaian sendiri prestasi guru dalam SKPMg2. Skala Likert sepuluh mata telah digunakan kerana ia boleh menjadi lebih tepat menilai kepercayaan atau pendapat yang sering dianggap dari segi penggredan dalam soalan tertutup. Ini ditunjukkan dalam jadual 1 berikut :

Jadual 1 : Skala Likert 10

Sangat Tidak Kerap	Tidak Kerap	Sangat Jarang	Jarang- Jarang	Neutral	Kadang- kadang	Agak Kerap	Kerap kali	Kerap	Sangat Kerap
←									→
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10

Justifikasi setiap skala pengukuran adalah tindakan yang diambil oleh sampel dan mengikut kepentingan penyelidik. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS versi 20.0)* untuk mencari kebolehpercayaan. Kebolehpercayaan item soal selidik telah diuji dengan menggunakan nilai pekali *Cronbach Alpha*.

Dapatan Kajian Rintis

Hanya satu konstruk diperbincangkan dalam makalah ini, iaitu konstruk guru yang mengamalkan perancangan pengajaran dapat menentukan proses dan suasana pembelajaran dilaksanakan dengan lebih berkualiti.

Nilai pekali (*reliability coefficient*) bagi soalan kajian yang diperoleh dalam kajian rintis ini adalah seperti jadual di bawah :

Jadual 2 : Statistik Kebolehpercayaan Apha Cronbach

Cronbach's Alpha	N of Items
0.872	9

Berdasarkan jadual 2, instrumen kajian telah mencapai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan itemnya boleh diterima.

Jadual 3 Skala Min, Varians & Korelasi Mengikut Item Konstruk Perancangan Pengajaran Guru

Item	Skala Min	Skala Varians	Nilai Korelasi Item
B1. Mengelola Isi pelajaran yang dirancang.	60.22	39.644	.669 Tinggi
B2. Mengelola masa PdPc selaras dengan aktiviti pembelajaran.	60.30	41.439	.660 Tinggi
B3. Menyediakan ABM/BBM/BBB/ TMK yang sesuai.	61.00	37.061	.786 Tinggi
B4. Memberi peluang kepada penyertaan aktif murid.	59.76	44.104	.539 Tinggi
B5. Mengawasi komunikasi murid dalam pembelajaran dan pemudahcaraan.	59.62	39.179	.813 Tinggi
B6. Mengawasi perlakuan murid dalam pembelajaran dan pemudahcaraan	59.54	40.907	.769 Tinggi
B7. Menyusun atur kedudukan murid dalam kelas.	60.26	42.196	.386 Tinggi
B8. Mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan.	59.64	42.562	.693 Tinggi
B9. Tidak mengawal proses pembelajaran.	66.54	56.253	-.264 Tinggi

Jadual 4 : Skala keseluruhan min, varians dan sisihan piawai

Item N	Min	Varians	Sisihan Piawai
9	68.36	56.725	7.261 Tinggi

Jadual 3 dan jadual 4 menunjukkan konstruk perancangan pengajaran guru berada pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhan min, varians dan sisihan piawai yang tinggi memberi gambaran bahawa soalan kajian terjawab.

Hasil dapatan daripada ujian rintis 1 dan 2 adalah menunjukkan nilai pekali (*reliability coefficient*) bagi setiap item soalan kajian yang diperolehi dalam kajian rintis ini adalah seperti jadual 5 berikut :

Jadual 5 : Item Keseluruhan Perancangan Pengajaran Guru

No. Item	Item	Pembolehkan	Nilai Pekali Alpha	
			<i>Pilot Test 1</i>	<i>Pilot Test 2</i>
7 – 16	Perancangan Pengajaran Guru	Var 1 – var 9	0.820	0.872

PERBINCANGAN

Hasil keputusan *pilot test 1* dalam kajian ini menunjukkan indeks nilai kebolehpercayaan berada di antara *Apha Cronbach* 0.75 (*stability coefficients*) hingga 0.96 (*very good reliability* atau *acceptable standardised test for internal consistency*) masih berada pada tahap *degrees of positive correlation* (Fraenkel & Wallen, 1996). Darjah pekali *correlation coefficient Cronbach Alpha* = 0.820 (Soalan kajian pertama : amalan perancangan pengajaran) menurun kerana dalam satu set soal selidik terdapat banyak item utama (*total test*) di samping mengandungi item sub (*sub test*) Stake (1968) dan Scriven (1967). Gay L.R (1992) menjelaskan jika satu set soal selidik mempunyai *sub test* (dalam jumlah yang agak banyak) maka nilai *r (correlation)* tidak akan mencapai tahap *Cronbach Alpha* = >0.90, dengan itu nilai *Cronbach Alpha* = 0.65 dikira berada pada tahap *satisfied coefficients* (Borg & Gall, 1979).

Manakala Cornley dan Impara (1995) menjelaskan standard nilai item yang mengandungi banyak *sub test* biasanya berada di antara *Cronbach Alpha* = 0.61 hingga 0.92, manakala item-item dalam *total test* biasanya berada di antara *Cronbach Alpha* = 0.85 hingga 0.90 sahaja . Namun begitu, analisis *pilot test 2* yang dibuat dua minggu kemudian (setelah item-item dalam *pool alpha if item deleted* dalam *pilot test 1* sama ada dibuang atau diperbaiki telah menunjukkan peningkatan indeks kebolehpercayaan yang tinggi *Cronbach Alpha* = 0.85 hingga 0.97 yang berada pada tahap *acceptable* dan *very good reliability*. Oleh itu, penyelidik tidak perlu lagi mengulang *pilot test* setelah berasa puas hati terhadap kebolehpercayaan instrumen sebelum instrumen itu ditadbir kepada sampel sebenar.

Analisis jadual 5 didapati purata nilai pekali *Alpha Cronbach* adalah melebihi 0.850. Ini menunjukkan bahawa semua item kajian sesuai digunakan sebagai instrumen kajian dan tiada item yang perlu dibaiki berdasarkan *Cronbach's Alpha If Item Deleted* supaya nilai pekali kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* yang bakal diperoleh pada kajian sebenar akan memberikan nilai yang lebih baik. Menurut Mohd Najib (1999), jika nilai *Cronbach Alpha* 0.8 hingga 1, maka soal selidik tersebut mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan itemnya boleh diterima. Nilai 0.2 hingga 0.8 pula menunjukkan soal selidik yang diuji mempunyai kebolehpercayaan yang sederhana dan terdapat sebilangan item yang perlu diubah. Manakala bagi nilai 0.0 hingga 0.2 pula mempunyai kebolehpercayaan yang rendah dan semua item perlu diubah. Untuk menguji tahap kebolehpercayaan bagi instrumen kajian yang dibina, penyelidik menganalisis instrumen tersebut berdasarkan nilai *Alpha Cronbach* yang diperoleh.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil kajian ini dapat mendorong penyelidik untuk meneruskan kajian terhadap konstruk-konstruk yang lain berkaitan amalan pembelajaran dan pemudahcaraan dalam kalangan guru sekolah. Kajian ini juga dapat memenuhi keperluan dalam aspek aspirasi sistem iaitu peningkatan keberhasilan murid setanding dengan sumber yang telah disalurkan ke dalam sistem (PPPM, 2013-2025). Kajian ini selaras dengan aspirasi anjakan ke empat iaitu mentransformasi profesion keguruan menjadi profesion pilihan abad 21. Ia adalah untuk memastikan guru memberi tumpuan ke atas fungsi teras pengajian mulai 2013 dengan mengurangkan beban pentadbiran seiring dengan anjakan 10 iaitu memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit.

PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan hasil kajian bersumberkan geran penyelidikan FRGS/1/2019/SS109/UNISZA/02/3. Setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini terutamanya Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inkubator *Penyelidikan (CREIM)*, Pusat Pengajian Siswazah dan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

RUJUKAN

- Borg & Gall. (1979). *Educational Research; An Intriduction*. (3rd ed). New York: Longman.
- Cornley dan Impara. (1995). *Thirteenth Mental Measurements Yearbook*. Lincoln: University of Nebraska Press.
- Fraenkel, J.R., & Wallen, E.N. (1996). *How to Design and Evaluate Research*. United State of America: Mc Graw-Hill, Inc.
- Gay, L.R. (1992). *Educational Research: Compentencies for Analysis and Application*. (4th ed). Maxwell Macmllan International Edition. New York: Maxwell Macmillan Publishing Company.
- Ghazali, D.& Sufean, H. (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Jemaah Nazir & Jaminan Kualiti (JNJK) KPM. (2016). *Task Force SKPMg2: Pengenalan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2)*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2012). Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. <http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary-Blueprint-ExecSummary-BM.pdf>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025).
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2015). Pembelajaran abad ke-21: Amalan dan Pelaksanaan di sekolah. *Buletin Anjakan: Buletin Transformasi Pendidikan Malaysia 2013–2016*. [http://www.padu.edu.my/files/Anjakan_Bil_4_\(2015\)_Final.pdf](http://www.padu.edu.my/files/Anjakan_Bil_4_(2015)_Final.pdf).
- Mahdzir, K. (2016). Teks ucapan Menteri Pendidikan Malaysia Majlis Pelancaran Hari Guru Peringkat Kebangsaan kali ke-45, Dewan Canselor Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd Najib, A.G. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok Soon Sang. (2011). *Pedagogi untuk Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Ropisa & Rahimah, E. (2018). Penerapan Model Pembelajaran *Numbered Head Together* di sekolah rendah wilayah Aceh Barat. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 1(1): 33-38.
- Scriven, M. (1967). The Methodology of Evaluation. dlm Tyler, R. W. Etl. (ed), *Perspective of Curriculum Evaluation*, America Educational Research Association (AERA), *Monograph of Curriculum Evaluation*, No.1:38-93. Chicago: Rand Mc Nally.
- Shamilati, C.S., Wan Mazwati, W.Y. & Rahimah, E. (2017) Teacher's Challenges in Teaching and Learning for Higher Order Thinking Skills (HOTS) in Primary School. *International Journal of Asian Social Sciences*. 7(7): 534-545. ISSN(e): 2224-4441 ISSN(p): 2226-5139. URL: www.aessweb.com
- Šlaus, I. & Jacobs, G. (2011). Human Capital and Sustainability. *Sustainability* 3:97-154.
- Slavin, R. (1994). A theory of School and Classroom Organization. In R. Slavin, (Ed.), *School and Classroom Organization*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Stake, R.E. (1968). Toward a Technology for the Evaluation of Educational Program. In Ralph, W. Tyler, Robert, M. Gagne, & Scriven, M. (1968). *Perspectives of Curriculum Evaluation*. Chicago: Rand Mc Nally & Company.
- Task Force SKPMg2. (18 Ogos 2016) Standard 4 Pembelajaran dan Pemudahcaraan: Penataran SKPMg2. Jemaah Nazir Dan Jaminan Kualiti Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Zahara Mutia, Rahimah, E. & Mustafa, C.O. (2018). Pengaruh kefahaman guru terhadap model pembelajaran Contextual Teaching and Learning di Aceh Barat. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 1(1): 63-68.